

## Menangani Keruntuhan Akhlak Masa Kini Menurut Islam

Nasarudin Desa @ Man<sup>1</sup>, Tengku Intan Zarina Tengku Puji<sup>2</sup> & Sabri Mohamad<sup>3</sup>

Email: <sup>1</sup>ustskdaka@gmail.com.my, <sup>2</sup>tiztp@ukm.edu.my, <sup>3</sup>sabri\_m@ukm.edu.my

<sup>1</sup>Calon Sarjana, Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM

<sup>2&3</sup>Pensyarah Kanan, Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM

### Abstrak

Al-Quran merupakan kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW untuk mengubah akhlak seluruh manusia. Akhlak sangat penting dalam mencorakkan kehidupan setiap individu kerana ia menentukan tingkahlaku dan perbuatan sama ada baik atau sebaliknya. Masyarakat kita pada hari ini dicemari dengan pelbagai krisis akhlak merangkumi tingkah laku dan perbuatan tidak bermoral seperti berkelakuan tidak sopan di tempat awam, sumbang mahram dan zina yang akhirnya menyebabkan kelahiran anak luar nikah. Hal ini menggambarkan betapa masyarakat kita sedang berhadapan dengan masalah keruntuhan akhlak yang sangat serius. Kajian ini dibuat bagi mencari penyelesaian terhadap masalah keruntuhan akhlak melalui pendekatan perspektif al-Quran dan al-Sunnah. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian kepustakaan iaitu dengan menganalisis dokumen-dokumen seperti jurnal, artikel dan penulisan ilmiah berkaitan. Kajian mendapati terdapat beberapa dalil al-Quran dan al-Hadith yang boleh menjadi benteng utama dan digunakan bagi tujuan menangani masalah keruntuhan akhlak. Sehubungan itu, keruntuhan akhlak masa kini dapat ditangani sekiranya masyarakat berpegang teguh dengan ajaran Islam sebenar.

**Kata Kunci:** Akhlak, Etika, al-Ghazali, al-Quran, Hadith

### Addressing Today's Moral Decline According to Islam

### Abstract

Qur'an is the words from Allah revealed to Prophet Muhammad P.B.U.H to change the manners of all humankind. Manners are very important in shaping the lives of every individual as it determines behavior and deeds whether good or not. Our society today is tainted by various moral or manners crises involving behavior and immorality such as impolite behavior in public, incest and adultery which ultimately causes the birth of illegitimate child. This illustrates how our society is dealing with a serious problem of moral decline. This study was conducted to find a solution to the problem of moral decline through the perspective of the Qur'an and al-Sunnah. The methodology used in this study is the study of literature by analyzing documents such as journals, articles and related academic writing. The study found that there are some Qur'anic verses and al-Hadith that can be the main fortress and can be used to address the problem of moral decline. In this regard, today's moral decline can be addressed if the community holds truly to the true teachings of Islam.

**Keywords:** Qur'an and al-Sunnah Perspectives, Moral Decline, Present, Islamic Teachings

### 1. Pengenalan

Al-Quran merupakan kalam Allah yang lengkap diturunkan dari Luh Mahfuz serterusnya kepada Rasulullah SAW selama 23 tahun. Matlamat utama penurunan al-Quran ialah memperbaiki akhlak manusia sebagaimana sabda Nabi Muhammad SAW: Aku tidak dibangkitkan melainkan untuk memperbaiki akhlak manusia. (Malik b. Anas Juzuk 2) Akhlak didefinisikan sebagai suatu sifat yang tertanam dan sebatی dalam jiwa seseorang, menghasilkan perbuatan dengan mudah tanpa memerlukan pertimbangan fikiran. Sekiranya akhlak itu baik menurut pertimbangan al-Quran dan al-Sunnah, maka ia termasuk perkara kebaikan. Sekiranya buruk mengikut keduanya, maka ia termasuk dalam perkara keburukan (al-Ghazali,1996). Oleh itu, penerapan akhlak mulia merupakan perkara yang diberi perhatian oleh agama. Miskawiah

merupakan seorang sarjana Islam yang banyak menulis dalam bidang sejarah, falsafah dan etika (S. M. Ziauddin Alavi, 1988). Merujuk kepada definisi akhlak dan jenis pembahagiannya sebagaimana yang diberikan oleh Miskawaih, adalah difahami bahawa akhlak merupakan sesuatu sifat atau tingkah laku peribadi yang boleh dibentuk. Imam al-Ghazali mendefinisikan akhlak sebagai suatu disposisi yang mantap dalam jiwa manusia dan darinya segala perbuatan berhasil dengan mudah tanpa melibatkan daya pemikiran dan deliberasi (Mohd. Nasir, 2005). Sekiranya disposisi tersebut menghasilkan perbuatan yang mulia, iaitu perbuatan yang mulia menurut akal dan syariat, maka disposisi tersebut dinamakan akhlak yang baik. Jika sebaliknya, ia merealisasikan perbuatan yang buruk direalisasikan, maka ia dinamakan akhlak yang buruk (Mohd. Nasir, 2005). Berdasarkan kepada takrifan yang diberikan oleh Imam al-Ghazali, ia menunjukkan bahawa pada dasarnya, Imam al-Ghazali bersetuju dengan definisi akhlak yang diberikan oleh Miskawaih, tetapi telah membuat sedikit modifikasi.

Memandangkan Miskawaih berpandangan bahawa akhlak boleh dikawal dan dibentuk, beliau berhujah bahawa jika akhlak seseorang tidak dapat dibentuk dan diperbaiki, maka syariah, kenabian, latihan, pendidikan, disiplin, nasihat, sekolah, universiti, undang-undang, kerajaan dan sebagainya sudah tentu akan menjadi tidak perlu dan tidak bermakna lagi (Mohd. Nasir, 2005). Hujah ini secara tidak langsung mengiktiraf bahawa syariah dan undang-undang perlu dan masih relevan digunakan untuk mengawal, mengubah serta membentuk sesuatu akhlak. Sehubungan dengan ini, kajian untuk mencari penyelesaian terhadap masalah keruntuhan akhlak melalui pendekatan al-Quran dan al-Sunnah adalah wajar diberi perhatian.

## 2. Kepentingan Akhlak

Akhlik penting sebagai indikator atau kayu ukur dalam pembangunan sesebuah tamadun bangsa. Akhlak yang baik akan melahirkan masyarakat yang mempunyai nilai jatidiri yang tinggi. Oleh yang demikian, tanggungjawab membentuk akhlak merupakan satu agenda yang besar sehingga Allah swt telah mengutuskan seorang nabi bagi tujuan tersebut. Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis “Bahawasanya aku ini diutus untuk menyempurnakan akhlak” (riwayat Ahmad, al-Hakim dan Baihaqi). Sekiranya akhlak tidak mempunyai kepentingan dalam kehidupan seorang muslim, tidak mungkin ia dijadikan sebagai salah satu agenda pengutusan Rasulullah SAW. Ukuran kepada kemajuan sesebuah masyarakat dan negara perlu bersandarkan kepada indikator seperti penghayatan nilai murni, akhlak mulia dan etika ketamadunan yang baik. Ia merangkumi peningkatan taraf sosial masyarakat berkaitan aspek keagamaan, moral dan pengamalan gaya hidup sihat yang disulami dengan kefahaman dan penghayatan yang baik meliputi rohani, jasmani, emosi serta intelek yang seimbang. (Abdul Majid, 2012). Berdasarkan kepada penjelasan ini, dapatlah difahami bahawa kecerdikan akal atau kecanggihan teknologi semata-mata bukanlah merupakan indikator sebenar dalam mengukur ketinggian sesebuah tamadun.

Di samping kepentingan akhlak sebagai indikator dalam pembentukan tamadun, pembinaan akhlak yang baik turut mempunyai perkaitan dengan soal ibadah. Allah swt berfirman dalam al-Quran yang bermaksud, “Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan agar mereka beribadah kepadaku” (al-Zaariyat: 56). Allah swt menyeru hambaNya yang beriman supaya menerima Islam dan mengamalkan ajarannya secara menyeluruh dengan firmanNya yang bermaksud “Wahai orang-orang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhannya” (surah al-Baqarah:208). Apa yang boleh difahami di sini, setiap amalan dan perbuatan manusia hendaklah berlandaskan ajaran Islam secara keseluruhannya meliputi aspek ibadah, akhlak, muamalah dan sebagainya. Allah swt memberi jaminan dalam al-Quran bahawa “ Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar” (al-Ankabut: 45). Seseorang yang mempunyai keteguhan aqidah serta tekun beribadah seharusnya memiliki akhlak yang mulia dan bersopan santun dalam pergaulannya sesama manusia. Maka persoalan akhlak bukanlah persoalan yang tersendiri, bahkan ia saling berhubungan dengan persoalan aqidah dan ibadah (Abdul Rahman, 2007). Masyarakat yang dibentuk berdasarkan kelompok individuyang pincang akhlaknya membuktikan bahawa masyarakat tersebut mempunyai kekuatan aqidah dan iman yang lemah. Rasulullah SAW telah menjelaskan bahawa iman dapat melahirkan akhlak dan budi pekerti yang baik, jika sebaliknya, maka rosaklah akhlak dengan bersabda “Rasa malu dan iman adalah sama, apabila salah satu daripadanya

hilang, maka yang lain akan hilang juga” (hadis riwayat al-Hakim dan at-Tabarani). Hakikatnya, krisis akhlak seperti sumbang mahram, khalwat, zina dan hamil luar nikah yang telah berlaku dalam masyarakat pada hari ini telah memadai untuk membuktikan bahawa rasa malu yang sepatutnya menjadi lambang keimanan seseorang telah hilang dan mencemarkan identiti Islam. Hal ini tidak wajar dibiarkan kerana ia bukan sekadar merosakkan generasi yang terlibat, malah ia turut memberi kesan kepada perkembangan generasi di masa akan datang. Rasulullah SAW sangat menekankan akhlak yang baik di mana Baginda bersabda ketika ditanya “Manakah antara kaum mukminin itu yang terbaik keimanan mereka, maka Baginda menjawab: “Ialah yang terbaik budi pekerti mereka di kalangan mereka itu” (diriwayatkan oleh Abu Daud, at-Tirmizi dan lain-lain). Hadis ini secara jelas menunjukkan bahawa budi pekerti yang baik mempunyai kepentingan yang sangat besar kerana ia menjadi nilaiann kepada tahap keimanan seseorang. Hakikat daripada pengertian budi pekerti ialah satu bentuk dari sesuatu jiwa yang benar-benar telah meresap dan daripada situlah timbulnya berbagai perbuatan dengan cara spontan dan mudah tanpa dibuat-buat dan tanpa memerlukan pemikiran dan angan-angan. (Johari Yaman, et.al, 2010). Memandangkan budi pekerti yang baik sangat signifikan dalam kehidupan seseorang insan, maka penyelidik berpandangan bahawa proses pembentukan jiwa bagi melahirkan budi pekerti yang baik ini perlu dimulakan dari seawal peringkat kanak-kanak agar ia sebatи sepanjang usia.

Dalam hadis lain, Abdullah bin Amr meriwayatkan: “Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: “Inginkah kalian, aku memberitahu siapa di antara kalian yang paling aku cinta dan paling dekat denganku pada hari kiamat? Pertanyaan itu diulang dua tiga kali”. Para sahabat menjawab “Ya, kami muahu ya Rasulullah”. Baginda kemudian menegaskan: “Yang terbaik akhlaknya di antara kalian”. Hadis ini turut menjelaskan tentang kepentingan akhlak di mana golongan yang paling dicintai dan paling hampir dengan Rasulullah SAW pada hari Kiamat ialah yang memiliki akhlak yang terbaik. Maka, adalah menjadi satu kerugian bagi mereka yang memiliki akhlak yang buruk dan tidak mempunyai kesedaran tentang kepentingan berakhlek mulia.

Akhlek dan kesopanan telah digariskan sebagai ciri yang kelima dalam membentuk sebuah masyarakat Islam. Ia merujuk kepada masyarakat adil, ihsan, kebajikan, kerahmatan, kebenaran, amanah, kesabaran, kesetiaan, sifat malu, kesucian, kemuliaan, tawadduk, pemurah, berani, kesatriaan, keutamaan, dedikasi, pengorbanan, bermaruah, membantu, kebersihan, berhias, berjimat, berhemat, bertolak ansur, berlembut, nasihat-menasihati, saling membantu, menjaga kehormatan, mengawal hawa nafsu, marah kerana benar, cintakan kebaikan, mendahulukan kepentingan orang lain, berbuat baik kepada kesemua makhluk terutama kepada ibu bapa, memelihara hubungan silaturrahim, menghormati jiran, menyeru manusia ke arah kebaikan, amar ma'ruf nahi mungka serta setiap sifat mulia, ciri-ciri terhormat dan budi pekerti yang luhur (Yusuf al-Qardhawi, 2012). Ciri-ciri masyarakat Islam yang digariskan ini menuntut masyarakat Islam memelihara maruah, kehormatan diri dan mengawal hawa nafsu. Namun, realiti masyarakat kita pada hari ini telah menunjukkan keperibadian yang bertentangan dengan ciri yang perlu ada dalam membentuk masyarakat Islam. Krisis akhlak yang berlaku dalam masyarakat pada hari ini telah membawa kepada pelbagai masalah sosial seperti, budaya lepak, sumbang mahram, berkelakuan tidak sopan di khalayak umum, hamil luar nikah dan apa yang lebih membimbangkan ialah peningkatan kes buang bayi. Pendekatan pencegahan yang digunakan dalam menangani krisis ini perlu dilakukan secara holistik meliputi pelbagai aspek seperti mengarusperdanakan pendidikan agama atau sivik, pendekatan agama dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan, psikologi, perundangan dan sebagainya.

### **3. Krisis Akhlak dalam Masyarakat**

Krisis akhlak didefinisikan dalam Kamus Dewan Edisi Keempat sebagai kemerosotan (kerosakan) budi pekerti yang sudah mencapai peringkat yang membimbangkan. Melihat kepada definisi ini, masyarakat kita pada hari ini sedang mengalami krisis akhlak yang sangat membimbangkan kerana dicemari pelbagai bentuk kererosakan akhlak. Masalah remaja mengandung anak luar nikah menjadi satu kebimbangan besar dunia sama ada di negara Islam atau bukan Islam. Statistik Kementerian Kesihatan pada tahun lepas mendedahkan sebanyak 3,980 kes iaitu 28.8 peratus daripada 13,831 remaja yang mengandung anak luar nikah berusia

sekitar 10 hingga 19 tahun.(Nurul Husna Rosidi. 2017). Selain melibatkan keraguan tentang sah taraf anak, dalam jangka waktu yang lebih panjang ianya akan menjelaskan kebajikan anak tersebut daripada sudut keperluan fizikal seperti nafkah dan stigma masyarakat yang prejudis terhadap status anak berkenaan. Masalah ini wajar menjadi kebimbangan besar kerana kelahiran anak tak sahtaraf atau anak luar nikah merupakan gambaran kepada kemuncak kritikal masalah sosial. Ia merupakan kerosakan akhlak yang paling serius dalam masyarakat kerana secara terang bertentangan dengan tuntutan Islam dalam memelihara maqasid syariah. Kehidupan remaja pada zaman ini seharusnya mencontohi bagaimana kehidupan remaja di zaman Rasulullah SAW di mana masyarakatnya memanfaatkan zaman remaja yang penuh dengan pengisian ibadah dan penyertaan alam kedewasaan. Mereka tidak melalui zaman remaja yang bermasalah sebagaimana dibuktikan dengan kepimpinan Usamah bin Zayd dan Saiyidina Ali, keperibadian Asmā binti Abu Bakr, ketokohan Aisyah RA yang berada di bawah panduan didikan rabbāniyy walaupun tidak bersama ibu bapa (Azyyati, et al, 2013).

Bagi mengenali remaja yang berpotensi dan berisiko terdedah kepada kerosakan akhlak, (Azyyati, et al, 2013) merumuskan dalam satu kajian bahawa ciri-ciri remaja berisiko ialah mereka yang terdiri daripada kumpulan yang mempunyai keluarga yang tidak berfungsi, mempunyai latar belakang status sosioekonomi yang rendah (SES) dan tidak mempunyai sokongan daripada individu dan persekitaran yang bertindak sebagai faktor pelindung seperti ibu atau bapa, ahli keluarga, ahli masyarakat, sekolah dan agama yang merupakan asas utama dalam menentukan pola akal dan perlakuan remaja bagi menghindari kemudaratian. Kajian ini menjelaskan bahawa institusi kekeluargaan memainkan peranan yang penting dalam membantu remaja menghindari masalah sosial yang akan merosakkan masa depan remaja itu sendiri. Ini selari dengan pandangan (Noor Aziah, 2013) yang menekankan peranan institusi kekeluargaan sebagai penting untuk memartabatkan pembangunan sahsiah diri golongan belia negara di mana ibu bapa berperanan memberi pendidikan agama sepenuhnya kepada anak-anak. Kebanyakan anak-anak hanya mendapat ilmu agama daripada guru agama dan apabila bersama ibu bapamereka tidak belajar. Oleh demikian, beliau menyarankan supaya semua pihak kembali kepada perkara asas iaitu didikan agama dan memperbaiki mutu keluarga yang sedia ada dan yang akan dibina. Selain faktor peranan ibu bapa, pengaruh media turut mempunyai pengaruh dalam pembentukan tingkah laku remaja. Walaupun ia adalah pada tahap yang sederhana, namun data dalam satu kajian menunjukkan semakin meningkat penggunaan media semakin rendah akhlak di kalangan remaja (Ahmad Munawar, et. al., 2011). Penulis amat bersetuju dengan dapatan kajian ini kerana berdasarkan kepada realiti semasa, kebanyakan remaja cenderung memilih untuk menonton rancangan berbentuk hiburan. Malah mereka turut menjadikan artis yang diminati sebagai model atau ikutan. Apa yang membimbangkan, sesetengah media mengambil peluang untuk mensensasikan artis dengan fesyen yang tidak mematuhi syarak atau rancangan yang tidak mempunyai nilai dalam pembentukan akhlak dan telah menjadi ikutan remaja. Mereka lebih mengutamakan keuntungan daripada nilai positif yang seharusnya diterapkan kepada masyarakat. Penulis berpandangan pengaruh media yang negatif seumpama ini merupakan antara faktor yang menyumbang kepada kerosakan akhlak dan satu usaha perlu dilakukan bagi mengekang dan mengawal pengembangan pengaruh ini. Perbuatan maksiat seperti mendedahkan aurat dan pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan akan membawa kepada perbuatan maksiat lain yang lebih serius seperti berkhalwat dan berzina yang akhirnya melahirkan anak tak sahtaraf akibat hamil luar nikah. Masyarakat sewajarnya memahami mengapa Allah swt melarang keras umatnya mendekati zina melalui firmanya yang bermaksud: “Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk” (al-Isra’: 32). Allah melarang umatnya melakukan sesuatu perbuatan yang menghampiri zina kerana ia boleh membawa kepada maksiat yang lebih besar.

Sikap masyarakat yang tidak mengambil berat hubungan bebas antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram seperti berpegangan tangan, berpelukan dan aksi bercumbuan di khalayak ramai boleh membawa kepada perbuatan khalwat dan perbuatan tidak sopan lain yang menjurus kepada perzinaan. Perbuatan tersebut akhirnya menyebabkan kelahiran anak luar nikah (Ainul Bashirah, et. al., 2012). Dalam satu kajian lain, tabiat menonton pornografi juga boleh menyumbang kepada krisis akhlak di mana kesan tontonan membawa kepada ketagihan seksual yang buruk dan tidak normal. Hal ini adalah disebabkan penonton pornografi

akan beraksi berdasarkan apa yang dilihat, berfantasi dan berakhir dengan keputusan atau hasil yang merosakkan seseorang. Kajian penyelidik di Negara barat dan di Malaysia mendapati kebanyakan para pelajar universiti, remaja dan kanak-kanak telahpun terdedah kepada pornografi (Nor Azah, et. al., 2011). Fakta ini pasti menjadi kebimbangan di kalangan ibu bapa kerana anak-anak yang mempunyai peluang mengakses internet tanpa kawalan mempunyai risiko yang amat tinggi terhadap pengaruh tersebut. Melihat kepada faktor-faktor yang mempengaruhi dan mendorong keterlibatan seseorang individu dalam perlakuan yang merosakkan akhlak, penulis berpandangan bahawa undang-undang boleh digunakan sebagai medium terbaik dalam menangani krisis akhlak.

#### **4. Perspektif Al-Quran Dan Al-Sunah Sebagai Benteng Menangani Krisis Akhlak Masa Kini**

##### *4.1 Melaksanakan Undang-undang yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah*

Allah SWT berfirman dalam al-Quran yang bermaksud: Sesungguhnya Kami telah mengutuskan rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan telah kami turunkan bersama mereka al-Kitab dan neraca (keadilan) supaya manusia dapat melaksanakan keadilan (al-Hadid: 25). Allah SWT berfirman dalam ayat lain yang bermaksud "Sesungguhnya Kami telah menurunkan al-Kitab kepadamu dengan membawa kebenaran, supaya kamu mengadili antara manusia dengan apa yang telah Allah SWT wahyukan kepadamu (al-Nisa': 105). Kedua-dua ayat ini menunjukkan kepentingan undang-undang dan penghakiman dalam kehidupan bagi mengatur perlakuan manusia. Pandangan Fuqaha' seperti Ibn Abidin dan Ibn Humman menjelaskan bahawa kesiksaan ataupun hukuman wajar dilihat sebagai satu mekanisma pencegahan daripada melakukan sesuatu kesalahan dan pembalasan selepas melakukannya (Siti Zubaidah, 2013). Pandangan ini selari dengan apa yang dinyatakan oleh Prof. Dr. Yusuf al-Qardhawi bahawa pensyariatan atau perundangan merupakan nilai kekuatan yang utama bagi sesebuah masyarakat. Sesebuah masyarakat memerlukan kepada perundangan untuk mengatur perhubungannya dan menghukum sesiapa yang menyelweng dari kaedahnya sama ada perundangan ini turun dari langit atau keluar dari bumi. Hati nurani dan dorongan-dorongan jiwa tidak mencukupi buat manusia secara umum untuk memelihara keselamatan masyarakat serta strukturnya dari segi material dan moral, serta menegakkan keadilan di kalagan manusia (Yusuf Qardhawi, 2012). Pandangan ini sangat relevan dan bersifat realistik kerana melihat kepada situasi semasa, keruntuhan akhlak yang membimbangkan menunjukkan bahawa penghayatan terhadap nilai-nilai Islam yang ada dalam diri tidak mencukupi untuk menghalang sekelompok individu dalam masyarakat daripada terlibat dalam keruntuhan akhlak. Sekiranya diketahui bahawa zina itu adalah satu jenayah kemasyarakatan yang akan memudharatkan masyarakat, tetapi ia tidak memberi apa-apa kesan kepada pelakunya dengan sekadar pemenjaraan atau denda, maka hendaklah dikenakan hukuman yang lebih berat. Ini kerana memelihara kepentingan awam dengan menyakiti pesalah dengan hukuman yang berat adalah lebih baik daripada menolak kesakitan dari penjenayah dan mendedahkan masyarakat keseluruhannya kepada bahaya yang lebih besar (Yusuf al-Qardhawi, 2012).

Memandangkan undang-undang berperanan sebagai mekanisma pencegahan, maka kewujudan peruntukan undang-undang seharusnya berkesan menangani krisis akhlak yang berlaku dalam masyarakat. Namun, apa yang menghairankan, krisis akhlak yang berlaku dalam masyarakat pada hari ini semakin membimbangkan. Persoalannya, mengapa kewujudan undang-undang pada hari ini seolah-olah tidak mencapai objektif perundangan sebenar? Persoalan ini memerlukan satu kajian khusus bagi melihat keberkesanannya undang-undang sedia ada dalam menangani krisis akhlak di Malaysia. Bagi melihat undang-undang yang digunakan dalam menangani krisis berhubung akhlak, penyelidik merujuk kepada undang-undang jenayah Islam. Di Malaysia, undang-undang ini merujuk kepada peruntukan-peruntukan tentang hukum jenayah Islam di bawah kuasa-kuasa Mahkamah Syariah di negeri-negeri di Malaysia (Faizah, 2007). Bagi tujuan penulisan ini, pengkaji telah meneliti Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 sebagai contoh kajian bagi undang-undang Jenayah Syariah. Penyelidik mencadangkan supaya Undang-undang Jenayah Syariah negeri lain turut dikaji dan dianalisa bagi melihat peruntukan yang berkaitan. Terdapat beberapa peruntukan berkaitan akhlak dalam

Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 yang mana telah diklasifikasikan di bawah kesalahan berhubungan dengan kesusilaan.

#### *4.2 Menjadikan Rasulullah SAW sebagai Teladan (Role Model)*

Pendekatan al-Quran yang utama dalam meninggikan kualiti akhlak modal insan dengan akhlak mahmudah ialah mewujudkan teladan sebagai rujukan utama dalam menerapkan akhlak mahmudah dalam diri. Pewujudan teladan oleh al-Quran merupakan salah satu kaedah yang cukup kuat pengaruhnya kerana al-Quran bukan sekadar ayat-ayat yang dibaca dan didengari, tetapi al-Quran diterjemahkan pada diri Nabi Muhammad SAW sebagai role model dalam kehidupan umat Islam. Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 21. Maksudnya: Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik (uswah hasanah), iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).

Kaedah ini amat bersesuaian dengan perutusan Rasulullah SAW sebagai penyampai risalah kebenaran. Sejarah telah menyaksikan kehadiran sekumpulan manusia yang telah mampu untuk maju ke hadapan sekalipun pada awalnya kumpulan manusia tersebut begitu terkebelakang, tidak dikenali, serba mundur, berpecah dan kehilangan hala tuju sebenar. Kemudian, kumpulan ini telah berubah sikap dan pendirian apabila telah menerima dan mengakui kerasulan seorang pemuda yang ummi sebagai pembawa Risalah Kenabian. Semenjak daripada itu, kumpulan tersebut telah mengambil Rasulullah SAW sebagai teladan dalam setiap aspek kehidupan. Natijahnya, kumpulan ini telah berjaya menjadi satu bangsa disegani dan dihormati oleh kawan dan lawan. Yang dimaksudkan dengan sekumpulan manusia tersebut ialah masyarakat Arab jahiliah. Setelah beriman dan menjadikan Rasulullah SAW sebagai teladan, mereka menjadi manusia yang benar-benar berbeza berbanding sebelumnya. Firman Allah SWT dalam surah al-Jumu'ah ayat dua. Maksudnya: Dialah yang mengutus kepada kaum yang buta huruf (al-Ummiyin) seorang Rasul (Muhammad) di antara mereka, yang membacakan ayat-ayatNya kepada mereka, menyucikan mereka dan mengajarkan mereka kitab dan hikmah. Dan sesungguhnya mereka sebelumnya benar-benar dalam kesesatan yang nyata.

Pewujudan teladan ini amat penting dalam pembentukan modal insan yang cemerlang. Ikutan kepada sunnah Rasulullah SAW sebagai teladan menjadikan seseorang itu membangun selari dengan kehendak al-Quran. Para sahabat telah memberi tumpuan yang khusus kepada setiap detik kehidupan Baginda SAW. Bahkan setiap perkataan, perbuatan, taqrir dan akhlak Rasulullah SAW disampaikan daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain. Proses mengikut teladan ini tidak pernah putus terutama dalam aspek pembentukan akhlak. Bermula dari generasi para sahabat yang meneladani akhlak Rasulullah SAW, kemudian generasi tabiin meneladani akhlak Rasulullah SAW menerusi periwayatan para sahabat, dan proses itu berterusan bertali arus sehingga umat Islam sekarang ini pun sewajarnya meneladani akhlak Baginda Junjungan SAW. Ikutan yang bersungguh-sungguh dan pengaplikasian sunnah Rasul SAW dalam setiap aspek kehidupan akan menjelaskan kembali satu umat yang kuat dan cemerlang. Dalam memperlihatkan aspek akhlak sebagai mekanisme modal insan cemerlang, al-Quran memuji dan memperakui bahawa Rasulullah SAW memiliki akhlak yang begitu agung yang boleh diikuti sepanjang zaman. Firman Allah SWT surah al-Qalam ayat empat. Maksudnya: Dan bahawa sesungguhnya engkau (Muhammad) mempunyai akhlak yang amat mulia.

Pembentukan akhlak yang mengambil Rasulullah SAW sebagai teladan akan memperlihatkan modal insan yang cemerlang disebabkan Rasulullah SAW merupakan penterjemahan kepada al-Quran itu sendiri. Kewibawaan Rasulullah SAW dan ketokohan Baginda menjadi sebutan di bibir masyarakat. Lihatlah bagaimana sejarah menggambarkan Rasulullah SAW dengan ciri-ciri yang baik, akhlak yang mulia dan sikap yang pemurah. Baginda ialah orang yang terhormat di kalangan kaumnya, paling baik akhlaknya dan paling penyabar. Baginda juga orang yang paling benar tutur katanya, paling berlemah lembut, paling pemaaf dan dermawan, paling baik amalan, paling menunaikan janji dan paling amanah. Baginda dipercayai dan diberi gelaran al-amin walaupun Baginda ditentang hebat oleh Kaum

Kafir Quraisy. Malah pada permulaan era dakwah Islam di Mekah, mereka tetap meletakkan barang berharga di bawah jagaan Rasulullah SAW(al-Mubarafuri (2010).

Di samping itu, ketokohan dan kewibawaan pada personaliti yang dimiliki oleh Rasulullah SAW telah memukau ramai pemerhati sejarah zaman berzaman merentasi sempadan kepercayaan dan keimanan. Maka tidak menghairankan apabila sarjana Barat juga turut menjulang Rasulullah SAW sebagai modal insan yang paling cemerlang yang pernah berjalan dan hidup di muka bumi ini. Micheal H. Hart dalam bukunya *The 100: A Ranking Of The Most Influential Persons In History* telah menamakan Rasulullah SAW sebagai tokoh yang menduduki tempat pertama dalam senarai manusia yang paling berpengaruh di dunia dengan katanya: *My choice of Muhammad to lead the list of world's most influential persons may surprise some readers and may be questioned by others, but he was the only man in the history who was supremely successful on both the secular and religious level....*(Micheal H. Hart, 1978 )

#### *4.3 Menegur dengan Mendatangkan Kisah*

Untuk memperkasakan akhlak modal insan dengan mengambil ‘ibrah dari kisah al-Quran. Beberapa kisah kaum terdahulu yang mengalami krisis akhlak yang amat ketara ditonjolkan dalam al-Quran. Kisah kaum Lut adalah contoh terbaik dalam melihat bagaimana insan boleh menjadi hamba kepada hawa nafsu sendiri sekiranya meninggalkan nilai-nilai akhlak yang benar. Dalam ulasan Sayyid Qutb terhadap modal insan yang wujud pada waktu itu, beliau menyentuh tentang bagaimana penyakit rohani juga boleh menular sebagaimana penyakit fizikal. Jika penyakit fizikal menular dengan penyebaran virus, penyakit rohani pula berkembang kerana telah berlaku kekeliruan dalam pertimbangan terhadap norma-norma yang berlaku dalam lingkungan kehidupan. Kekeliruan yang wujud menyebabkan mereka menerima meskipun ia bersalah dengan fitrah yang diatur oleh undang-undang Pengatur kehidupan (Sayyid Qutb 2009).

Di samping Kaum Lut, Allah SWT menyebut tentang kehancuran Kaum Tubba’, Kaum ‘Ad dan Kaum Thamud. Mengulas mengenai kehancuran umat terdahulu, Sayyid Qutb mengingatkan supaya mengambil iktibar dari kisah kebinasaan generasi terdahulu. Mereka telah diberikan kekuatan dan kedudukan di bumi. Malah dikirimkan kepada mereka hujan yang teratur sehingga tanah menjadi subur serta mendapat rezeki yang melimpah ruah. Malangnya mereka melakukan maksiat sehingga Allah SWT membinasakan mereka kerana dosa-dosa mereka dan Allah SWT menggantikan mereka dengan generasi yang lain (Sayyid Qutb 2009).

Jelasnya, kaum terdahulu telah dibinasakan oleh Allah SWT kerana mereka mempunyai akhlak yang buruk dengan Allah SWT. Mereka tidak mematuhi ajaran Allah SWT, sebaliknya melakukan dosa maksiat sebagai bukti yang mereka tidak menjalinkan hubungan yang baik dengan Pencipta. Mereka terus menafikan ajakan para pendakwah untuk membawa mereka ke arah kejayaan yang hakiki. Perkara ini sejajar dengan ayat 6 surah al-An‘am: *Kemudian Kami binasakan mereka kerana dosa mereka sendiri.* Ketika mentafsirkan ayat tersebut, Sayyid Qutb menegaskan bahawa perbuatan dosa yang akan membinasakan pelakunya sendiri dengan menunjukkan fakta terhadap apa yang berlaku kepada kaum-kaum terdahulu. Kata beliau:

“Ia adalah satu aspek dari pentafsiran Islam terhadap sejarah bahwa antara faktor yang menyebabkan kehancuran sesuatu generasi dan penggantian dengan generasi yang lain ialah perbuatan dosa di kalangan ahli masyarakat tersebut. Pengaruh dosa ini akan menjerumuskannya ke arah kebinasaan. Hal ini terjadi kerana ia merupakan azab langsung dari Allah SWT seperti yang terjadi dalam sejarah bangsa lampau...”(Sayyid Qutb (2009).

### **5. Kesimpulan**

Kepentingan al-Quran dan al-Sunah dalam pembentukan akhlak yang bertamadun sememangnya tidak pernah dipertikai dalam mana-mana ajaran kerana ia adalah indikator sebenar dalam menilai kualiti kecemerlangan sesebuah tamadun. Penulis berpandangan bahawa pembentukan akhlak seseorang pada asasnya bergantung kepada bagaimana ia dibentuk dan

dijiwai, seterusnya menjadi sebat sebagai nilai-nilai kerohanian dalam diri seseorang. Sebanyak mana seseorang menjiwai dan menghayati kemuliaan sifat dan nilai murni yang diajar oleh kalam Allah dan Sunah Rasullah SAW, maka sebanyak itulah ukuran akhlak yang akan ditonjolkan oleh individu tersebut. Namun, tidak dinafikan, pembentukan akhlak turut dipengaruhi oleh faktor persekitaran dan beberapa faktor lain seperti penekanan terhadap didikan agama oleh ibu bapa berdasarkan kepada hadis Rasulullah SAW yang bermaksud Seseorang anak yang dilahirkan itu adalah dalam keadaan fitrah (bersih), maka ibu bapalah yang menjadikannya yahudi, nasrani atau majusi (hadis riwayat al-Bukhari). Dalam konteks pembinaan akhlak masyarakat dalam sesebuah negara, pihak pemerintah juga memainkan peranan penting dalam menentukan nilai jatidiri masyarakatnya. Sesuai dengan fungsi syariat dan perundangan sebagai benteng utama ke arah membentuk akhlak sebagaimana yang telah dibincangkan, maka penguatkuasaan undang-undang secara serius perlu dilaksanakan secara berterusan dan dikawalselia oleh pihak yang dipertanggungjawabkan tanpa ada sebarang unsur sabotaj dan campurtangan pihak luar bagi memastikan agenda menangani krisis akhlak dapat ditangani dengan lebih berkesan dan mencapai syariat Islam sepenuhnya dengan mengikut acuan perspektif al-Quran dan al-Sunah yang sebenar.

## Rujukan

- al-Quran al-Karim. Terjemahan dan Huraian Maksud. Maulana Abdullah Yusuf.
- Ali. Perterjemah dan Kata Pengantar Abu Salah ‘Uthman El Muhammady .1992. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Abdul Majid bin Omar Timbalan Mufti Selangor, 2012. Kertas kerja ini dibentangkan pada Kempen ‘Sah Nikah, Sah Nasab’, anjuran Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti, JAKIM, 18 Mac 2013, di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, Selangor. 1
- Abdul Rahman bin Haji Abdullah. 2007. *Sejarah dan Tamadun Islam*. Pustaka Darussalam.
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2011. Media penyiaran: implikasinya dalam pembentukan akhlak penuntut-penuntut melayu di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia, Akademika 81(3).
- Ainul Bashirah Bt Ismail, Zuliza Bt Mohd Kusrin, Mat Noor Mat Zain. 2012. Kesalahan Khalwat Dan Perbuatan Tidak Sopan Dan Hukumannya Menurut Islam, *Jurnal Hadhari* 4 (2).
- Azyyati Mohd Nazim, Fariza Md. Sham & Salasiah Hanin Hamjah. 2013. Ciri-ciri remaja berisiko: kajian literatur, *Islamiyyat* 35(1). 111 – 119.
- al-Ghazali, Abu Hamid. t.th *Ihya’ulum al-Din*, j.3. Mesir: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- al-Ghazali. 1996. *Bimbingan Mukmin*. Syed Ahmad Semait (terj.) Singapura: Pustaka Nasional.
- Al-Mubarkafuri, Safiyurrahman, al-Rahiq al-Makhtum. 2010. Mesir: Dar al-Wafa’,
- Johari Yaman & Azhari bin Hj Ibrahim. 2010. terj. *Bimbingan Mukmin*. Nadi Mind Resoucers.
- Malik b. Anas Abu Abdullah Al-Asbahi. Muwattoq Al-Imam Malik. Dar Ihya Atturas Al-Arabi. Misri. Juzuk 2. 381
- Micheal H. Hart. 1978. *The 100: a Ranking of the Most Influential Persons in the History*. New York: Carol Pub. Group, h. 3
- Mohd. Nasir. 2005. *Akhlik dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Nor Azah Abd Aziz, Che Zarrina Saari.2011. Menangani Permasalahan Laman.
- Web Pornografi: Antara Perisian Penapis, Penguatkuasaan Undang-undang dan Amalan Spiritual, Journal of Islamic and Arabic Education, 3(1).
- Nurul Husna Rosidi. 2017. Akhlak remaja Melayu semakin meruncing. <http://www.utusan.com.my/rencana/forum/akhlik-remaja-melayu-semakin-meruncing-1.478633#ixzz55UaETUS3>[08 Mei 2017]

- Faizah Hj Ismail. 2007. Kedudukan Mazhab Syafi'i dalam undang-undang jenayah islam di Malaysia, *Jurnal Fiqh*: No. 4. 237-250.
- Yusuf al-Qardhawi. 2012. *Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islam yang Kita Idamkan*. Terj. Ustaz Mohamad Zaini Yahaya. Penerbitan Seribu Dinar. 137
- Sayyid Qutb. 2009. *Di Bawah Naungan al-Quran*. Siddiq Fadhil (terj.). Kuala Lumpur: Percetakan Kong Lee.
- Siti Zalikhah Md Nor et al. al- Syariah. *Fiqh Jenayah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zubaidah Ismail. 2008. Dasar penguatkuasaan dan pendakwaan jenayah syariah di Malaysia: satu analisis, *Jurnal Syariah*, Jil. 16, Keluaran Khas. 537-554.
- S. M. Ziauddin Alavi. 1988. Muslim Educational Thought in the Middle Ages, Atlantic Publishers & Distri.
- Zaini Nasohah. 2008. *Beberapa Aspek Mengenai Hukuman Jenayah dalam Islam*.
- Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri. 2007. Garis Panduan Penguatkuasaan Undang- Undang Jenayah Syariah.
- Arahan Tetap Pengarah JAIS 2002 (Pindaan 2004).
- Kamus Dewan Edisi Keempat, Dewan Bahsa dan Pustaka Kuala Lumpur, 2007.